

Headline	Meramaikan usahawan hebat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Oct 2012	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	389 cm ²
AdValue	RM 7,759	PR Value	RM 23,277



Meramaikan usahawan hebat

Oleh **ROHAMI SHAFIE**

PELABURAN langsung domestik (DDI) mula mendapat tempat dalam struktur ekonomi Malaysia. Tidak sebagaimana 20 tahun lalu, negara kita terlalu bergantung pada pelaburan langsung asing (FDI) berasaskan kos buruh yang rendah yang akhirnya mengundang ketidakseimbangan ekonomi apabila krisis ekonomi melanda dunia.

Sebagai contoh, krisis ekonomi Asia pada 1997/98, krisis subprima Amerika Syarikat (AS) dan krisis hutang zon Eropah menjadikan DDI begitu penting melestarian ekonomi negara. Negara tidak boleh terlalu bergantung dengan FDI kerana jika krisis ekonomi dunia berlaku, ekonomi negara kita juga akan terjejas teruk.

Maka antara strategi terbaik dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara pada masa kini dan mendatang adalah meningkatkan keupayaan sektor pelaburan swasta tempatan ke tahap global.

Bajet 2013 banyak menyentuh mengenai perkara ini. Umpamanya, kerajaan menyediakan Dana Strategik Pelaburan Domestik bernilai RM1 bilion bagi memanfaatkan aktiviti penyumberan luar dan pemerolehan teknologi untuk syarikat tempatan.

Selain itu, Bajet 2013 memberi tumpuan khusus untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan pelancaran Pelan Induk PKS (2012-2020) yang berasaskan inovasi dan produktiviti serta berimpak tinggi.

Fokus PKS juga terarah dalam industri halal dengan Dana Industri Halal sebanyak RM200 juta disediakan bagi membiayai modal kerja PKS yang terlibat secara langsung dengan industri halal.

Prospek industri halal amat cerah dengan pertambahan permintaan terhadap produk-produk halal di peringkat global. Lebih-lebih lagi negara kita mempunyai kekuatan tersendiri dalam mengeluarkan produk-produk halal berbanding negara-negara lain.

Satu perkara yang amat menarik dalam Bajet 2013 adalah golongan peniaga kecil dan peniaga kecil tidak dipinggirkan. Tidak mustahil mereka ini juga bakal menjadi usahawan hebat suatu hari nanti, maka nasib mereka juga sewajarnya dibela. Skim perlindungan insurans berkelompok yang berjumlah RM16 juta setahun dibiayai oleh kerajaan bertujuan melindungi peniaga dan peniaga kecil jika sekiranya berlaku kemudatan diri, hilang upaya serta kematian.

Skim ini secara tidak langsung boleh merangsang kekuatan kepada para peniaga dan peniaga kecil untuk melipat kali ganda usaha mereka dalam perniagaan. Ada di antara mereka kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, maka, dengan kewujudan skim begini, mengurangkan kesusahan mereka jika sekiranya berlaku malapetaka ke atas mereka.

Di samping itu, bagi membantu mereka dalam selok-belok perniagaan, program Bu-

siness in Transformation dilancarkan bagi memberi bimbingan mengenai konsep perniagaan baru seperti kedai bergerak, kios dan perniagaan atas talian. Bimbingan seperti ini memberi satu pendedahan baru kepada mereka mengenai kepentingan teknologi maklumat terbaru dan strategi perniagaan moden.

Ini kerana kebanyakan peniaga dan peniaga kecil masih mengekalkan perniagaan cara tradisional yang sukar untuk mengaut keuntungan yang lebih lumayan. Umpama mereka mungkin tidak menyedari mengenai pemasaran atas talian yang skop pasaran lebih luas, murah, cepat dan mudah.

Dengan cara ini, produk-produk mereka berkemungkinan besar boleh mendapat tempat bukan sahaja dalam pasaran tempatan tetapi juga boleh memasuki pasaran global.

Dari sudut kewangan pula, kerajaan telah menyediakan dana melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) yang boleh dipohon oleh usahawan kecil. Dana ini banyak membantu usahawan kecil memulakan dan memajukan perniagaan mereka.

Walaupun bagaimanapun, satu aspek yang perlu diambil kira oleh mereka adalah kemahiran mengurus kewangan. Ramai di antara usahawan kecil dan sederhana bahkan usahawan besar sekalipun telah gagal mengurus kewangan mereka sebaik mungkin.

Sebagai contoh, masih ramai usahawan kecil yang tidak mengetahui cara-cara merekodkan kewangan mereka secara sistematik. Rekod-rekod kewangan perniagaan mereka tidak teratur sehingga memberi implikasi besar terhadap perniagaan seharian mereka.

Perkara ini tidak boleh dipandang remeh kerana mengurus kewangan perniagaan tidak sebagaimana mengurus kewangan per-

ribadi dan jika tersilap langkah boleh memudaratkan perniagaan tersebut dalam tempoh jangka masa panjang.

Satu lagi komponen yang begitu penting dalam perniagaan selain pemasaran dan kewangan adalah kualiti produk dan perkhidmatan. Maka, para peniaga kecil dan sederhana yang inginkan kejayaan sebagai usahawan hebat perlu fokus kepada kualiti produk dan perkhidmatan mereka.

Sering kali mereka ini tersilap caturan dalam menjaga kualiti produk dan perkhidmatan mereka. Sebagai contoh, kegagalan peniaga makanan untuk mengekalkan kelezatan makanan yang dijual boleh menyebabkan pelanggan tetap mereka tidak lagi mengunjungi gerai mahupun restoren mereka.

Begitu juga, sekiranya makanan tersebut gagal disediakan dengan segera boleh me-

Headline	Meramaikan usahawan hebat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Oct 2012	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	389 cm ²
AdValue	RM 7,759	PR Value	RM 23,277


nyebabkan pelanggan 'lari' ke gerai mahupun restoran lain. Kegagalan ini berkemungkinan besar meniti dari mulut ke mulut pelanggan lain dan jika tiada tindakan pembetulan dilakukan, lebih ramai lagi pelanggan tidak mengunjungi gerai mahupun restoren tersebut.

Ini baru melibatkan pasaran tempatan belum lagi melibatkan pasaran luar negara yang lebih rumit prosedurnya. Sebab itulah kita lihat banyak produk Malaysia sukar menembusi pasaran global seperti Jepun hanya kerana tidak menepati piawaian dan kualiti yang ditetapkan oleh pihak berkenaan.

Oleh itu, bagi meramaikan usahawan

tempatan yang hebat, tiga perkara ini iaitu pemasaran, kewangan dan kualiti produk perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dalam perniagaan.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan Pusat Pengajian Perakaunan (SOA) dan Felo Penyelidik Institut Keusahawanan dan Koperasi Universiti Utara Malaysia

 **Walaupun bagaimanapun, satu aspek yang perlu diambil kira oleh mereka adalah kemahiran mengurus**

kewangan. Ramai di antara usahawan kecil dan sederhana bahkan usahawan besar sekalipun telah gagal mengurus kewangan mereka sebaik mungkin

